

28/05/2010 M/S 25

# Polis tahan 50 penagih

## Janda mengandung tiga bulan antara yang ditangkap

FOTO | Mohd Rifaat Abdul Hamid



TAHAN... sebahagian penagih yang ditahan dalam Ops Tapis di Pelantar Siput di Kuala Kedah,

>>Oleh MOHAMAD HUSSIN  
mohamad@hmetro.com.my

**K**UALA KEDAH: Seorang janda beranak dua berusia 22 tahun yang mengandung tiga bulan antara 50 penagih yang kebanyakannya nelayan ditahan dalam Ops Tapis di Pelantar Siput berhampiran jeti, di sini, pagi semalam.

Dalam serbuan kira-kira jam 9.30 pagi dan berakhir dua jam kemudian, sepasukan anggota polis daripada Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah membuat intipan beberapa jam sebelum membuat serbuan.

Difahamkan, ketika serbuan, kebanyakan penagih terbabit dalam keadaan asyik menghisap dadah tanpa menyedari kehadiran pihak berkuasa yang mengadakan operasi di

kawasan berkenaan.

Dalam operasi itu, seorang anggota polis, Sarjan Suhaimi Musa, 53, cedera di punggung selepas dirempuh dengan motosikal oleh seorang penagih lalok yang cuba melarikan diri. Bagaimanapun, dia berjaya ditangkap selepas motosikal dinaikinya terjatuh.

Ketua JSJN IPK Kedah, Superintenden Baharom Othman, berkata sepasukan anggota JSJN yang diketuai Cif Inspektor Mohd Amin Mat Yassin dan Inspektor Samsualan Shamsudin menyerbu pelantar berkenaan selepas menerima maklumat mengenai kegiatan penagihan dadah.

“Ketika serbuan dilakukan, kebanyakan penagih terbabit khayal menghisap dadah termasuk ada yang melarikan diri dengan terjun ke laut selepas melihat pihak berkuasa mengadakan serbuan.

“Kita menahan 50 penagih yang kebanyakannya nelayan di Kuala Kedah yang berusia antara 22 hingga 67 tahun termasuk seorang ibu tunggal berusia 22 tahun yang mengandung tiga bulan,” katanya.

Menurutnya, hasil ujian air kencing mendapati hanya 33 daripada 50 orang positif dadah jenis heroin dan dalam serbuan itu pihaknya merampas 16.7 gram dadah jenis heroin.

“Daripada jumlah yang ditahan, seorang lelaki ditahan mengikut Seksyen 39b Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana memiliki dadah manakala empat lelaki ditahan mengikut Seksyen 12(2) kerana memiliki dadah jenis heroin kurang dua gram dalam akta sama.

“Kita juga dapati ada antara mereka adalah penagih tegar malah pernah ditahan beberapa kali sebelum ini,” katanya.